

23 OCT 2000

Hamid-Arab

LAWATAN TPM SAUDI ESOK PENTING BAGI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Lawatan Putera Sultan Abdul Aziz Al Saud, Timbalan Perdana Menteri Kedua Arab Saudi, ke Malaysia esok merupakan satu acara yang bersejarah dan penting, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

"Lawatan Timbalan Perdana Saudi dari esok hingga 31 Okt dijangka membuka lembaran baru dalam hubungan antara kedua-dua negara," katanya.

Putera Sultan Abdul Aziz, yang juga Menteri Penerbangan dan Pertahanan Arab Saudi, dijadual mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad selain bertemu beberapa menteri.

Syed Hamid berkata lawatan itu, hasil jemputan Dr Mahathir, akan memberi tumpuan kepada beberapa isu, terutama ke arah membawa keamanan di Asia Barat dan konflik Palestin-Israel.

"Mengenai isu Palestin, pendirian kita adalah jelas, iaitu Israel patut berhenti menggunakan tenteranya terhadap orang awam dan patut mencari jalan untuk mencapai perjanjian damai," katanya kepada pemberita selepas dikunjungi Menteri Luar Republik Benin, Adji Antoine di Wisma Putra.

Syed Hamid berkata Putera Sultan Abdul Aziz dijangka memberi taklimat kepada Dr Mahathir dan Abdullah mengenai keputusan Sidang Kemuncak Liga Arab di Kaherah hujung minggu lepas.

Delegasi Arab Saudi itu terdiri empat putera Saudi, tiga menteri kanan dan pegawai-pegawai kanan.

Mengenai kunjungan oleh Adji Antoine, Syed Hamid berkata lawatan itu bagi mengukuhkan hubungan antara kedua-dua negara.

"Mereka mahu mempunyai hubungan yang erat dengan kita serta belajar daripada kejayaan pembangunan kita," katanya.

Benin yang terletak di Barat Afrika dan mempunyai enam juta penduduk, merupakan negara pengeluar kelapa sawit.

Syed Hamid berkata Benin turut meminta Malaysia menyokong pencalonannya sebagai Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian. Jawatan itu kini dipegang oleh Jepun, yang penggalnya tamat akhir tahun ini.

"Kita akan meneliti hujahan mereka sebelum memutuskan siapa yang kita akan sokong tetapi biasanya kita sokong mereka yang disokong oleh rantau ini," kata Syed Hamid.

-- BERNAMA

SR AHH RHM MAI